

Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-Isu Perpaduan: Kajian ke Atas Pelajar-pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)

(Students' Perception on Unity Issues: A Study on Students in The Malaysian Technical University Network (MTUN))

RAZLI AHMAD, HANUM HASSAN & AZUDDIN BAHARI

ABSTRAK

Sejak akhir-akhir ini, negara berhadapan dengan pelbagai isu seperti kelembapan ekonomi, perpaduan kaum yang dikatakan semakin rapuh di samping isu mengenai perkembangan politik dalam negara. Isu-isu ini muncul selepas Pilihan Raya Umum ke 12 (PRU 12) pada tahun 2008 yang lalu. Pelbagai tafsiran diberikan antaranya mengaitkan kesan pilihan raya sebagai punca kerapuhan hubungan antara kaum di Malaysia. Menariknya, keadaan ini juga dikaitkan dengan pola pemikiran generasi muda iaitu kesukaran untuk memahami pemikiran mereka sehingga menghasilkan keputusan pilihan raya 2008 yang luar biasa. Sehubungan itu, satu kajian dilaksanakan dalam kalangan mahasiswa khususnya mahasiswa dalam bidang kejuruteraan untuk melihat tahap kesedaran mereka terhadap isu-isu perpaduan. Seramai 506 orang responden yang terdiri daripada empat buah universiti berasaskan teknikal di Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) dan Universiti Teknologi Tun Hussin Onn (UTHM). Objektif utama kajian ini ialah (i) mengkaji tahap kesedaran terhadap isu-isu mengenai perpaduan kaum, politik, ekonomi dan konsep 1 Malaysia dalam kalangan mahasiswa bidang kejuruteraan berasaskan universiti yang berbeza, ii) mengkaji tahap kesedaran mahasiswa daripada universiti berbeza terhadap konsep 1 Malaysia, iii) mengkaji persepsi pelajar dari jantina yang berbeza dengan kesedaran terhadap perpaduan kaum di Malaysia.

Kata kunci: Perpaduan, mahasiswa, kesedaran, isu semasa

ABSTRACT

Malaysia lately is confronted with issues such as the economic downturn, racial unity which is alleged increasingly fragile and in addition to the issue of political developments in the country. These issues emerged after the 12th General Election (GE-12) in 2008. Various interpretations on the fragility of race relations in Malaysia were made, which among them relate to the impact of elections. Amazingly, this belief is also associated with the thought patterns of the younger generations, which is difficult to understand their thinking until the 2008 remarkable election results. Consequently, a study was conducted among students especially those engineering students to gauge their awareness level on the issues of unity. A total of 506 respondents consisting of students from four technical-based universities in Malaysia (MTUN) i.e. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Technical University of Malaysia Melaka (UTEM) and University Teknologi Tun Hussein Onn (UTHM) were selected. The main objective of this study are: i) to examine the level of awareness of the issues of unity, politics, economics and the concept of 1 Malaysia among the engineering students from the different universities, ii) examine the level of awareness of students from the different universities on 1 Malaysia concept, iii) examine the perceptions of students from different gender on the awareness of racial unity in Malaysia.

Keywords: Solidarity, students, awareness, current issues

PENGENALAN

Peta Kebahagiaan Global 2006 meletakkan Malaysia di kedudukan ke 17 yang diiktiraf antara negara yang bahagia di dunia ini. Berbanding dengan negara Denmark menduduki tempat pertama dalam Peta Kebahagiaan Global 2006 yang mempunyai 5.5 juta rakyat. Manakala Malaysia yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai iaitu 26 juta sudah pasti Malaysia sukar ditadbir kerana rata-rata penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum, bahasa dan agama (Wan Mohd Nor, 2011). Namun untuk mengekalkan kedudukan ke 17 bukanlah perkara yang mudah kerana pelbagai cabaran seperti pembangunan ekonomi, pemerintahan dan kestabilan politik, hubungan antara kaum terpaksa dihadapi oleh pemerintah.

Cabaran-cabaran ini muncul selepas Pilihan Raya Umum ke 12 (PRU 12) yang diadakan pada tahun 2008 yang lalu. Pelbagai tafsiran telah diberikan antaranya dengan mengaitkan kesan pilihan raya sebagai punca kerapuhan hubungan antara kaum di negara kita. Keputusan 'tsunami' politik ketika itu juga hasil dari tindakan majoriti pengundi bukan Melayu dan sebahagian besar pengundi Melayu yang menzahirkan rasa tidak puas hati terhadap pelbagai isu dan tanggapan yang bersangkutan paut dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) seperti isu bukan Melayu sebagai warganegara kelas kedua, rasuah, pembahagian kontrak, hubungan inter-etnik dan intra-etnik (Shamsul Amri, 2010).

Menariknya, keadaan ini juga dikaitkan pula dengan pola pemikiran generasi muda yang dikatakan bahawa pemikiran mereka sukar difahami sehingga menghasilkan keputusan pilihan raya 2008 yang luar biasa. Mereka, generasi yang unik di mana gaya hidup dan pemikiran ekor ledakan teknologi maklumat yang luar biasa sehingga mentransformasikan sesebuah masyarakat tradisi kepada moden. Malah, generasi kini berada dalam zaman dan lingkungan yang serba kompleks yang membawa kepada kewujudan jurang sama ada dari segi pengalaman, pengetahuan, pemikiran dan juga persepsi.

Pemikiran generasi muda mudah terdedah kepada ledakan maklumat di internet dan menyebabkan mereka mudah percaya kepada cerita-cerita negatif di internet tanpa mahu membuat kajian atau pemikiran tambahan. Ini menjadikan golongan ini amat mudah diracuni pemikiran mereka. Kemunculan cabaran-cabaran ini telah mendesak pihak pemerintah untuk memperbaiki keadaan-keadaan negatif yang timbul kerana perpaduan yang harmonis antara kaum adalah kunci bagi keseimbangan antara kukuh ekonomi dan kestabilan sesebuah negara. Namun begitu, pihak pemerintah masih lagi mencari rentak untuk mengatasi

kekalutan yang timbul selepas PRU 12 dan ia masih kelihatan belum cukup stabil sehingga hari ini.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Shamsul Amri (2010), antara masalah yang dihadapi oleh Malaysia pada ketika ini bersangkut paut kepada kesilapan meletakkan persamaan apabila menyatakan perpaduan sosial itu sama dengan perpaduan ekonomi. Sifat-sifat utama perpaduan gagal difahami dan tidak disentuh, antaranya elemen asimilasi, akomodasi, akulturasi dan amalgamasi. Andaian sering diberi jika pembahagian kek ekonomi seperti yang dirancang melalui DEB berhasil, maka secara automatik Malaysia mampu mencapai perpaduan bersifat nasional. Namun, hasilnya tidak seperti yang diharapkan. Perpaduan nasional telah ditafsirkan dengan fahaman sempit dan berubah menjadi satu bentuk pertandingan untuk merebut hak milik ekonomi. Dan isu ini menjalar menjadi 'perebutan nasional' antara kelompok etnik.

Oleh itu bagaimana masyarakat menerima dan menyerap isu-isu yang timbul ini akan menentukan kesan jangka panjang kepada negara. Terlalu sensitif dengan isu ini juga akan menyaksikan masyarakat berada dalam tekanan, namun sikap tidak mempedulikan isu-isu yang timbul dalam negara sudah pasti akan mewujudkan masyarakat yang jumud yang akhirnya merugikan Negara (Michael Backman, 2008). Malah menurut Joseph Stiglitz (dalam Shamsul Amri, 2007), sekiranya hubungan etnik yang harmonis ini tergugat maka survival Malaysia sebagai sebuah negara bangsa juga turut tercabar biarpun kadar pertumbuhan ekonominya memuaskan dan kestabilan politik kelihatan terbaik.

Selain itu satu perkara yang menarik untuk diteroka ialah persepsi para mahasiswa universiti terhadap isu-isu yang wujud dalam negara. Sering kali isu yang dinyatakan di atas tertumpu kepada kumpulan tertentu sahaja dalam kelompok masyarakat. Kita juga perlu mengetahui dan cuba meneroka apakah yang difikirkan oleh mahasiswa berkaitan dengan isu-isu ini. Sebagai golongan yang bakal mengambil alih kepimpinan negara di masa hadapan, kita wajar melihat apakah persepsi mereka berhubung dengan tiga isu utama dalam negara pada masa kini (Mohd Tajuddin, 2010).

Namun begitu, dalam kalangan mahasiswa yang berlatarbelakangkan pengajian sains sosial, mereka mungkin mudah memahami isu ini dan mempunyai persepsi tersendiri. Tetapi bagi kumpulan mahasiswa universiti yang berasaskan bidang sains tulen seperti kejuruteraan dan perubatan mungkin agak berbeza

dari segi pemikiran mereka ataupun mereka langsung tidak ambil peduli terhadap isu-isu ini. Hal ini kerana kumpulan mahasiswa sains tulen ini dikatakan agak sibuk dengan tuntutan pembelajaran sehingga tidak ada masa untuk berfikir mengenai hal-hal yang dinyatakan di atas. Sehubungan itu, satu kajian yang melibatkan mahasiswa universiti berasaskan kejuruteraan perlu dilakukan untuk melihat persepsi mereka terhadap tiga isu-isu yang muncul dalam negara.

Hal ini juga amat berkait rapat dengan isu Pembangunan Menyeluruh Mahasiswa yang diberi perhatian oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Kesedaran mahasiswa dalam isu-isu utama dalam negara dilihat dapat membantu membangunkan mereka secara menyeluruh kerana secara realitinya mereka akan menyertai dan berada bersama masyarakat walau dalam apa sekalipun bidang pengajian mereka. Memahami isu-isu semasa dalam masyarakat akan memantapkan mereka sebagai persediaan untuk berada di tengah masyarakat nanti. Tidak dinafikan, ini juga merupakan aspek kemahiran insaniah yang diperlukan oleh mahasiswa di universiti.

OBJEKTIF KAJIAN

Pada umumnya kajian yang dilaksanakan dalam kalangan mahasiswa khususnya mahasiswa dalam bidang kejuruteraan ini adalah untuk melihat tahap kesedaran serta kefahaman mereka terhadap isu-isu perpaduan di Malaysia. Secara khususnya kajian objektif kajian ini ialah;

1. Mengkaji tahap kesedaran terhadap isu-isu mengenai perpaduan kaum, politik, ekonomi dan konsep 1 Malaysia dalam kalangan mahasiswa bidang kejuruteraan berasaskan universiti yang berbeza.
2. Mengkaji tahap kesedaran mahasiswa daripada universiti berbeza terhadap konsep Satu Malaysia.
3. Mengkaji persepsi pelajar dari jantina yang berbeza dengan kesedaran terhadap perpaduan kaum di Malaysia.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan diharap dapat membantu pihak universiti yang berkaitan bagi memahami pola pemikiran pelajar-pelajar bidang kejuruteraan khususnya dalam aspek melibatkan perpaduan kaum di Malaysia. Tindakan susulan yang sesuai dapat dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelajar. Hal ini penting kerana hampir semua universiti di negara kita mempunyai pelajar tempatan yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kefahaman pihak pentadbir universiti dalam hal ini pastinya akan dapat membantu universiti dalam berhadapan dengan isu-isu yang melibatkan kaum. Dalam masa yang sama universiti dapat memainkan peranan untuk memajukan negara ini sebagaimana yang diharapkan oleh pihak-pihak pemegang taruhnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bagi melihat tahap kesedaran serta kefahaman mahasiswa terhadap isu-isu perpaduan di Malaysia. Kajian ini melibatkan responden seramai 600 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar di universiti berasaskan teknikal atau dikenali sebagai MTUN (Malaysia Teknikal University Network), yang terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) dan Universiti teknologi Tun Hussin On) UTHM. Sebanyak 150 borang soal selidik diedarkan kepada responden di setiap universiti yang terlibat. Namun, hanya 506 borang soal selidik sahaja yang dikembalikan.

Soalan yang dikemukakan terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A soalan berkaitan demografi responden manakala bahagian B pula menjurus kepada pembolehubah yang berkaitan dengan isu-isu perpaduan kaum iaitu kesedaran terhadap perpaduan kaum, politik, ekonomi dan juga konsep 1 Malaysia. Soalan dikemukakan menggunakan skala interval 1- 7 (1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= kurang setuju, 4= tidak pasti, 5= sederhana setuju, 6= setuju dan 7= sangat setuju). Kajian rintis juga dilakukan bagi melihat kebolehpercayaan dan kesahihan soalan dari setiap pembolehubah yang dikaji. Berikut adalah dapatan kajian rintis yang dilakukan;

JADUAL 1. Nilai Cronbach's Alpha kajian rintis

Pembolehubah (n = 40)	Nilai Alpha
Perpaduan Kaum	.8065
Politik	.7260
Ekonomi	.6465
Konsep 1 Malaysia	.9026

Berdasarkan jadual diatas, nilai alpha kajian rintis berada pada tahap yang meyakinkan. Keempat-empat pembolehubah yang dikemukakan itu mempunyai nilai .6 keatas. Nunnally (1978), menyarankan bahawa nilai 0.6 hingga 0.8 adalah ukuran nilai yang lazimnya diterima, manakala nilai 0.8 ke atas adalah terbaik. Menurut Kerlinger (1973), satu kajian yang amat tinggi kebolehpercayaannya akan mempunyai ciri-ciri yang stabil, ketekalan, keramalan dan ketepatan.

KAJIAN LITERATUR

Banyak kajian-kajian yang berkaitan dengan isu-isu perpaduan kaum telah dilakukan di Malaysia. Namun, selari dengan perubahan masa dan keadaan, isu-isu yang berkaitan dilihat cepat berubah kerana dipengaruhi oleh perkembangan semasa. Dua perkara utama yang dilihat cepat memberi suntikan perubahan kepada isu tersebut ialah faktor ekonomi dan politik. Malah dua isu ini sering menjadi asas kepada perhubungan kaum serta perpaduan di Malaysia.

Kajian mengenai isu-isu ini bermula sejak tahun 1970an lagi. Hirschman (1972), Rabuska (1968) misalnya telah menulis hubungan diantara kaum di Malaysia serta kedudukan stratifikasi sosial masyarakat mengikut etnik di Malaysia. Perbezaan pendapatan yang tinggi diantara orang Melayu dengan orang Cina dan India di katakan agak ketara. Hal ini menyumbang kepada kecenderungan konflik diantara mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Ibrahim (1980), yang menumpukan kepada soal penghayatan identiti nasional dalam kalangan pelajar pelbagai kaum antara lain mendapati kebanyakan kaum bukan Melayu kurang mempunyai sikap positif dalam proses pembinaan negara bangsa. Lebih mengejutkan kajian tersebut juga mendapati kaum Melayu juga menunjukkan sikap negatif terhadap bangsa atau elemen-elemen kebangsaan bila mana menyifatkan Hari Kebangsaan adalah hari cuti umum semata-mata.

Manakala Tan Chee Beng (1982) melihat perspektif hubungan etnik di Malaysia berfokus kepada dua kelompok utama yang dilihat signifikan iaitu masyarakat Cina dan Melayu. Hubungan antara dua kumpulan masyarakat ini sering dilihat turun naik, tetapi sangat penting dalam menentukan keseimbangan politik dan sosio ekonomi Malaysia. Kedudukan yang setara akan menimbulkan rasa saling menghormati antara mereka jesteru akan menjamin kesentosaan dalam kehidupan dan negara.

Thock Ker Pong dalam Sarjit dan Lee (2008), menyatakan bahawa meskipun Malaysia memiliki satu model politik yang ampuh untuk masyarakat

majmuk bertunjangkan gabungan parti-parti politik, namun hakikatnya stabiliti yang wujud dalam negara sebenarnya rapuh. Hal ini dikatakan menepati kajian yang pernah dilakukan oleh Arend Lijphart (1977) iaitu keseimbangan yang dicapai dalam negara majmuk tanpa penguasaan akan bersifat sementara dan bakal membahayakan hubungan etnik dimasa hadapan. Ini telah dibuktikan apabila berlaku peristiwa 13 Mei 1969 dahulu. Selepas itu muncul pula situasi hagemoni Melayu iaitu satu hakikat yang sukar diterima oleh orang-orang Cina di Malaysia. Hal ini masih dirasakan sehingga sekarang dan dikatakan antara menjadi punca kemenangan banyak kerusi parti pembangkang Cina terutama DAP semasa pilihanraya umum tahun 2008.

Pandangan yang lebih jelas terhadap struktur perkongsian kuasa semakin ditekankan akhir-akhir ini supaya ianya dapat menyumbang kepada keamanan, perpaduan dan kesejahteraan dalam sesebuah negara. Misalnya Kartini dan Suhana, (2010), menekankan bahawa perkongsian kuasa politik yang melibatkan lebih dari dua kumpulan etnik akan mampu menghasilkan kesan yang baik. Ianya akan memastikan bahawa gabungan tersebut tidak akan meminggirkan mana-mana kumpulan. Setiap kumpulan akan mempunyai nilai daya saing secara positif untuk menyumbang kepada kesejahteraan. Hal ini sangat penting diamalkan dalam sesebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Denison Jayasuria (2010), menekankan bahawa perpaduan nasional merupakan 'tema utama' dalam pembinaan negara terutamanya setelah negara merdeka. Dengan mempunyai masyarakat yang pelbagai, sekali lagi topik berkaitan dengan perkongsian kuasa dikatakan sebagai antara mekanisma utama untuk mencapai perpaduan tersebut. Dikatakan bahawa peranan kerajaan yang memerintah adalah penting untuk menganjur atau menggerakkan program merangsang minda rakyat supaya rakyat faham dengan jelas matlamat sesuatu dasar atau program. Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan pengamalan Konsep 1Malaysia sekarang.

Dalam hubungan ini, Sivamurugan Pandian (2010), menyatakan bahawa generasi muda negara perlu lebih memahami aspirasi negara, sanggup berkorban dan memberi fokus untuk mengisi era pembangunan negara dimasa akan datang. Kumpulan ini mesti menghayati prinsip-prinsip rukun negara, perlembagaan serta dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan yang dilihat ingin membawa negara ini kearah yang lebih baik. Mempunyai nilai-nilai patriotik merupakan sesuatu yang sangat dituntut daripada generasi muda ini. Beliau menegaskan bahawa tidak dapat disangkal lagi, generasi muda Malaysia adalah

mereka yang akan mewarisi negara ini dimasa hadapan jesteru pemikiran dan tindakan yang bertul oleh generasi ini amat dituntut supaya pengharapan boleh terus diletakkan ketas mereka.

Justeru beberapa pendekatan kerajaan seperti transformasi politik, transformasi kerajaan, plan transformasi ekonomi, konsep Satu Malaysia disarankan untuk dihayati oleh generasi muda ini. Ia memerlukan penghayatan, penghormatan, keyakinan serta pengetahuan terhadap semua pendekatan-pendekatan ini bagi membolehkan generasi muda mudah memainkan peranan serta tanggungjawab mereka. Ini akan membina satu keyakinan generasi dewasa kepada generasi muda kita khususnya mereka yang terpelajar dan berada di institusi pengajian tinggi. David dan Robin (2002), menyatakan bahawa dalam mengurus sesebuah organisasi yang mempunyai kepelbagaian (boleh dikaitkan dalam bernegara), tidak sahaja memerlukan kawalan tetapi dalam masa yang sama perlu melakukan gerakan yang dapat mengembangkan potensi ahli atau rakyat. Mereka menyarankan perlu ada sepuluh perkara untuk kearah itu iaitu, jelaskan motivasi, jelaskan visi, kembangkan fokus organisasi, semak nilai-nilai utama kita, buat perubahan terhadap penilaian kita, buat perubahan

kepada sistem, lakukan perubahan kepada model sedia ada, bantu mereka yang berkebolehan dan terakhir ialah teruskan tindakan-tindakan penambahbaikkan secara berterusan. Jika sepuluh perkara ini diteliti secara mendalam kita rasa ianya mempunyai kaitan dengan polisi kerajaan Malaysia sekarang khususnya dalam pelaksanaan Konsep Satu Malaysia.

Justeru perpaduan dan hubungan kaum merupakan agenda penting negara supaya situasi negara sentiasa dalam keadaan terjamin. Isu utama disini ialah apakah generasi muda kita khususnya golongan terpelajar di universiti mampu menghayati keperluan ini untuk di galas sehingga tiada penghujungnya. Mereka kini dilihat masih terperangkap dengan pelbagai segmentasi samada sengaja dibuat atau memang benar kewujudannya. Tetapi sebagai seorang terpelajar mereka perlu lihat dimensi baru dalam semua aspek itu. Sebahagiannya hanya berminat mengembangkan persepsi yang sememangnya telah lama wujud dalam soal-soal hubungan kaum dan perpaduan ini. Oleh itu, soal kajian hubungan kaum dan perpaduan di institusi pengajian tinggi dinegara kita masih kekal relevan serta perlu dilihat sebagai elemen yang penting dan perlu diberi perhatian secara berterusan (Mansor et. al,2005).

JADUAL 2. Demografi responden

Jantina	Lelaki 206 (40.7%)	Perempuan 300 (59.3%)			
Keturunan	Melayu 346 (68.4%)	Cina 87(17.2%)	India 44(8.7%)	Bumi S/S 26 (5.15)	Lain-Lain 3 (.6%)
Umur	18-20 99 (19.6%)	21-23 322 (63.6%)	24-26 (13.8%)	27-30 14 (2.8%)	31 ke atas 1 (.2%)
Universiti	UniMAP 124(24.5%)	UMP 126(24.9%)	UTHM 104(20.6%)	UTEM 152(30.00%)	
Tahun Pengajian	Satu 106(20.9%)	Dua 161(31.8%)	Tiga 183(36.2%)	Empat 56(11.1%)	

Berdasarkan jadual di atas didapati responden kajian agak seimbang antara lelaki dan perempuan. Manakala dari segi keturunan kaum didapati, responden Melayu mendominasi kajian ini dengan jumlah melebihi 346 orang (68.4%) diikuti oleh Cina 87 orang (17.2%) serta India 44 orang (8.7%), Bumiputra Sabah Sarawak dan lain-lain kaum sekitar (5.75%).

Dari segi umur pula didapati responden yang berumur sekitar 21-23 tahun mendominasi kajian ini (63.6%), diikuti oleh mereka yang berumur antara 18-20 tahun (19.6%). Dapat dikatakan bahawa pelajar

dalam kumpulan umur antara 18 – 23 tahun merupakan responden terbesar dalam kajian ini. Ini merupakan persekitaran umur yang lazim di institusi pengajian tinggi negara kita. Taburan responden kajian dari empat buah universiti yang terlibat dalam kajian adalah seimbang. Manakala dari segi tahun pengajian, responden yang berada di tahun empat lebih ramai iaitu 183 (36.2%) berbanding tahun dua 161 orang (31.8%), tahun satu 106 orang (20.9%). Mereka yang berada di tahun empat paling sedikit iaitu 56 orang atau 11.1%.

OBJEKTIF KAJIAN 1

Mengkaji tahap kesedaran terhadap isu-isu mengenai perpaduan kaum, politik, ekonomi dan konsep 1Malaysia dalam kalangan mahasiswa bidang kejuruteraan berasaskan universiti yang berbeza.

Dapatan menunjukkan nilai mean tertinggi yang diperolehi kajian ini ialah Perpaduan (5.1655), di ikuti oleh mean untuk Konsep Satu Malaysia (5.1596), ketiga ialah mean untuk ekonomi (4.7885) dan terakhir ialah mean untuk politik (4.5474). Ujian

juga menunjukkan bahawa antara empat buah IPTA MTUN yang terlibat dalam kajian, responden daripada UMP memperlihatkan tahap kesedaran terhadap perpaduan lebih tinggi berbanding tiga IPT yang lain iaitu (5.2720). Manakala bagi elemen politik, UTHM memperoleh nilai mean tertinggi iaitu (5.0609). Mean tertinggi untuk ekonomi juga di dahului oleh UTHM dengan nilai mean (5.2308). Mean untuk kesedaran terhadap konsep satu Malaysia juga didahului oleh UTHM (5.3344). Jadual 3 di bawah menunjukkan statistik yang dinyatakan di atas.

JADUAL 3. Min kesedaran isu-isu semasa

Universiti (IPT)		PERPADUAN	POLITIK	EKONOMI	1 M
UniMAP	Mean	5.2353	4.3542	4.6694	5.2357
	N	124	124	124	124
	Std. Deviation	.80431	.74084	.69654	1.02205
UMP	Mean	5.2720	4.2791	4.6263	4.9171
	N	126	126	126	126
	Std. Deviation	.66571	.70390	.66120	1.45191
UtHM	Mean	5.0219	5.0609	5.2308	5.3344
	N	104	104	104	104
	Std. Deviation	.72379	.78674	.71188	.73662
UteM	Mean	5.1184	4.5762	4.7177	5.1791
	N	152	152	152	152
	Std. Deviation	.72282	.78162	.79502	.97956
Total	Mean	5.1655	4.5474	4.7885	5.1596
	N	506	506	506	506
	Std. Deviation	.73436	.80431	.75537	1.09375

OBJEKTIF KAJIAN 2

Kajian juga bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran dan kefahaman mahasiswa daripada universiti berbeza

terhadap konsep 1Malaysia. Bagi menjawab objektif kajian ini, pengkaji menggunakan ujian ANOVA yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dibawah.

JADUAL 4. Ujian ANOVA 1Malaysia

	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>mean square</i>	<i>f</i>	<i>Sig</i>
Between group	11.362	3	3.787	3.207	.023
Within Group	592.767	502	1.181		
Total	604.129				

Bagi sampel kajian ini (n=506) skor min kefahaman tentang Konsep 1Malaysia berdasarkan IPT berbeza menunjukkan UniMAP (M = 5.2357, SD =1.02205, n =124), UMP pula (M =4.9171, SD =1.45191, n =126), manakala UTHM ialah (M =5.3344, SD =.73662, n =104) serta UTEM ialah (M =5.1791, SD =.97956, n = 152). Kefahaman keempat buah IPT tersebut adalah berbeza secara signifikan, F (3.207), $p < .05$. Kesimpulannya menunjukkan bahawa terdapat

perbezaan yang signifikan antara empat buah IPT dengan kefahaman terhadap konsep Satu Malaysia. Hasil ujian Tukey HSD menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan berlaku antara UMP dan UTHM.


Analisis lanjut Post Hoc Bonferreni menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan antara dua IPT iaitu yang melibatkan UMP dan UTHM. Namun demikian tahap perbezaan itu agak lemah. Jadual 5 dibawah menunjukkan ujian lanjut Post Hoc Bonferreni.

JADUAL 5. Ujian Lanjut Post Hoc 1Malaysia

(I)	(J)	mean dif	std. error	Sig.	95% Con.Interva	
IPT	IPT	(I - J)			LB	UB
UniMAP	UMP	.3186	.13746	.125	-.0455	.6826
	UTHM	-.0987	.1449	1.000	-.4815	.2840
	UTEM	.5666	.13150	1.000	-.2917	.4049
UMP	UniMAP	-.3186	.13746	.125	-.6826	.0455
	UTHM	-.4173(*)	.14396	.023	-.7986	-.0360
	UTEM	-.2620	.13092	.276	-.6088	.0848
UTHM	UniMAP	.0987	.14449	1.000	-.2840	.4815
	UMP	.4173(*)	.14396	.023	.0360	.7986
	UTEM	.1553	.13828	1.000	-.2110	.5216
UTEM	UniMAP	-.0566	.13150	1.000	-.4049	.2917
	UMP	.2620	.13092	.276	-.0848	.6088
	UTHM	-.1553	.13828	1.000	-.5216	.2110

Rajah 1 di bawah mengesahkan bahawa perbezaan yang signifikan berlaku antara UMP dan UTHM dimana

UMP berada di kedudukan yang rendah.



RAJAH 1. Min plot kefahaman terhadap Konsep1Malaysia

OBJEKTIF KAJIAN 3

Akhir sekali kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar dari jantina yang berbeza dengan

kesedaran terhadap perpaduan kaum di Malaysia. Untuk itu pengkaji menggunakan Ujian T Sampel-sampel Bebas untuk melihat aspek ini. Jadual 6 dan 7 dibawah menunjukkan hasil ujian tersebut.

JADUAL 6. Statistik kumpulan T-test

	Jantina	N	mean	Std Deviation	Std Error mean
Perpaduan	Lelaki	206	5.2114	.70633	.04921
	Perempuan	300	5.1339	.75254	.04345

JADUAL 7. Hasil ujian T sampel bebas

		95% Confidence interval the difference								
		F	Sig.	t	Df (2-tail)	Sig	Men dif	Std errof dif	Lower	Upper
Perpaduan	Equal Var Assumed	.601	.438	1.166	504	.244	.0774	.06643	-.05306	.20795
	Equal Variances Not Assumed			1.180	458.244	.239	.0774	.06565	-.05156	.20645
	Not Assumed									

Berdasarkan jadual 6 dan 7 diatas, didapati min lelaki untuk perpaduan adalah lebih tinggi iaitu 5.2114 berbanding min perempuan (5.1339). Namun demikian perbezaan tersebut tidaklah besar. Ralat piawai perbezaan min ini juga tidaklah besar. Oleh itu $T = 1.166$ dan 1.180 adalah sangat kecil untuk memberikan satu keputusan yang signifikan manakala $p > .05$. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara lelaki dan perempuan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Memenuhi objektif kajian yang pertama, hasil kajian mendapati pelajar di institusi pengajian tinggi telah menunjukkan kesedaran atau kefahaman yang jelas terhadap isu-isu berkaitan dengan perpaduan kaum. Ini terbukti apabila min untuk perpaduan kaum telah diberikan min tertinggi berbanding pembolehubah lain yang dikemukakan. Dapatan ini seperti dapat menghilangkan kesangsian ramai pihak terhadap persepsi golongan muda pelbagai kaum terhadap perpaduan dalam negara. Nampaknya mereka jelas menyatakan perkara yang berkaitan dengan perpaduan kaum bukan sesuatu yang boleh diperjudikan. Ini dibuktikan bersandarkan respon mereka terhadap soalan “kerapuhan hubungan kaum akan mengundang ancaman kepada negara”, hampir 74% atau 400 orang

responden telah meletakkan status kategori ‘bersetuju’ terhadap kenyataan tersebut. Ini menandakan kesedaran yang tinggi terhadap pentingnya perpaduan kaum. Hal ini seakan selari dan dihayati oleh pelajar seperti mana yang telah di sarankan oleh Denison Jayasuria (2010) bahawa ‘perpaduan kaum’ adalah tema utama yang perlu sentiasa digerakkan dalam negara ini.

Walaupun dikatakan keputusan pilihanraya lepas telah sedikit merenggangkan hubungan kaum di Malaysia, namun pelajar di universiti merasakan perpaduan kaum bukanlah sesuatu yang boleh diperjudikan melalui politik. Ini dapat dibuktikan apabila mean untuk politik diletakkan di tempat terakhir berasaskan persepsi mereka. Perkara ini juga selari dengan dapatan objektif kajian ketiga yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan pandangan yang signifikan antara pelajar berasaskan gender antara lelaki dan perempuan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan kaum. Hal ini memberi makna bahawa isu-isu berkaitan dengan perpaduan kaum dilihat setara oleh semua pihak tanpa ada batasan jantina. Ianya memberi harapan yang baik kepada negara ini dimana semua pihak memberi pandangan dan tindakbalas yang membina terhadap perpaduan negara.

Seperkara yang menarik perhatian ialah persepsi mereka terhadap konsep 1Malaysia. Maklumbalas mereka dengan meletakkannya di tangga kedua mungkin menggambarkan bahawa mereka begitu yakin dan faham pembawaan kerajaan sekarang

RUJUKAN

untuk membina perpaduan melalui pendekatan 1Malaysia yang mereka fahami. Kalau ini berlaku maka pandangan David dan Robin (2002) berkaitan dengan kaedah mengurus kepelbagaian adalah betul dan di laksanakan di Malaysia serta mampu menarik perhatian golongan muda memahaminya. Sebagaimana yang diketahui, pelaksanaan konsep 1Malaysia merupakan satu pendekatan lateral dalam konteks Malaysia hari ini.

Namun demikian perhatian juga perlu diberikan untuk melihat mengapa wujud dua perbezaan yang agak ketara di antara dua universiti berkaitan tahap kesedaran mahasiswa dengan konsep 1Malaysia. Perlu diberi perhatian serius ialah mengapa mean tersebut di UMP rendah berbanding tiga buah universiti lain. Jika situasi seperti ini semakin merebak kearah negatif maka hasrat supaya generasi muda khususnya yang terpelajar perlu memahami falsafah, hasrat dan komitmen kerajaan dalam membangunkan negara ini seperti disarankan oleh Sivamurugan Pandian (2010) tidak akan terhasil. Mereka akan gagal memberi respon positif. Hal ini juga telah dibincangkan oleh Mansor, Iskandar Lee dan Rusdi, (2005) iaitu pentingnya golongan muda terpelajar memahami nilai dan pembawaan positif yang dianjurkan kepada mereka.

KESIMPULAN

Melalui kajian yang telah dijalankan, dapat diperhatikan bahawa isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan kaum, situasi ekonomi, politik dan juga polisi semasa kerajaan seperti 1Malaysia telah mendapat perhatian pelajar-pelajar universiti terutamanya universiti berasaskan teknikal. Di awalnya kita bimbang dengan meletakkan satu persepsi bahawa mereka agak ketinggalan atau dalam bahasa mudahnya “tidak tahu apa” tentang aspek berkenaan. Jika persepsi itu betul maka negara akan rugi kerana mereka merupakan insan yang dikurniakan kecerdikan hebat tetapi tidak berminat dalam aspek yang menentukan jatuh bangun dan maju mundur sesebuah negara.

Namun dapatan kajian ini telah menukar persepsi tersebut dimana kita boleh meletakkan harapan kepada mereka kerana mempunyai rasa tanggungjawab serta berpengetahuan dalam bidang yang bukan disiplin pengajian mereka dan jauh daripada itu sangat komited untuk memastikan negara ini bersatu padu, aman walaupun mereka daripada keturunan dan kaum yang berbeza. Kajian-kajian yang akan datang mungkin boleh meneroka dengan lebih jelas apakah potensi yang dapat dimainkan oleh golongan ini dalam memacu pembangunan dan kesejahteraan negara di masa hadapan.

- Arend Lijphart (1977). *Democracy in Plural Societies: A Comparative Exploration*. New Haven: Yale University Press.
- David A. Thomas dan Robin J.Ely (2002), *Harvard Business Review on Diversity*. “ Making Differences Matter: A New Paradigm for Managing Diversity”. Boston : Harvard Business School Press.
- Denison Jayasooria, (2010) “ National Unity Advisory Panel: Opportunities & Challenges In A Multi Ethnic Society”. *Managing Success in Unity*. Department of National Unity and Integration Prime Ministers Department. PUTRAJAYA.
- Hirschman, Charles, (1972). *Ethnic Stratification In West Malaysia*. Michigan :University Microfilm, Inc., Ann Arbor.
- Ibrahim Saad (1980). *Competing Identities In a Plural Society*. Singapore : The Institute of South East Asian Studies.
- Kartini Aboo Talib dan Suhana Saad, (2010), *Managing Success in Unity*. “Power Sharing And Unity: The Politics Of Alliance In Plural Society”. Department of National Unity and Integration Prime Ministers Department. PUTRAJAYA.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundation of Behaviour Research*. New York: Holt, Rinehart & Wiston, Inc.
- Mansor, Iskandar & Rusdi ,(2005), *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa. Hubungan Etnik Di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas*. Kuala Lumpur. Institut Sosial Malaysia.
- Michael Backman. (2008), *Asia Future Shock Business Crisis And Oppurtunity In the Coming Years*. New York. Palgrave MacMillan.
- Mohd Tajudin Ninggal, (2010). *Mencipta Kecemerlangan Diri*. Skudai, Johor : Penerbit UTM.
- Nunnally, JC. (1978) *Psychometric theory*. New York: McGraw-Hill
- Rabushka, Alvin. (1968). *Ethnic Components of Political Integration in Two Malayan Cities*. Michigan: University Microfilm, Inc., Ann Arbor.
- Sarjit S. Gill, Lee Yok Fee. (edt) (2008), *Masyarakat Kepelbagaian Sosial di Malaysia*. Serdang, Selangor : Penerbitan UPM.
- Shamsul Amri Baharuddin (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA.
- Shamsul Amri Baharuddin (2010).” *Dasar Ekonomi Baru (DEB) Dan Implikasi Terhadap Hubungan Etnik Di Malaysia*”, wacana anjuran Jabatan

Pengajian Islam dan Kemanusiaan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. http://alahkam.net/home/index.php?option=com_content&view=article&id=5325:dasar-ekonomi-baru-dan-implikasi-terhadap-hubungan-etnik

Sivamurugan Pandian, (2010).” Managing Diversity: From Independence To 1 Malaysia”. Managing Success in Unity. Department of National Unity and Integration Prime Ministers Department. PUTRAJAYA.

Tan Chee Beng. (1982). Ethnic Relations in Malaysia dalam David Y.H Yu (ed). Ethnicity And Interpersonal Interaction – A Cross Cultural Study, Singapore; Maruzen Asia.

Thock Ker Pong, (2008). Trend dan perkembangan Politik Masyarakat Cina Malaysia dalam Sarjit S. Gill, Lee Yok Fee. Masyarakat Kepelbagaian Sosial di Malaysia. Serdang, Selangor. Penerbitan UPM.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2011). Budaya Ilmu dan Gagasan 1Malaysia dalam Konteks Pembinaan Negara Maju dalam Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020. Sahlan Ismail (Editor), Selangor : Centre For Global Concerns.

Razli Ahmad (Prof. Madya)
Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Malaysia Perlis
Jalan Sarawak,
02000 Kuala Perlis,
Perlis Indera Kayangan
E-mel: razli@unimap.edu.my

Hanum Hassan (Dr.)
Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Perlis
P.O. Box 77, d/a Pejabat Pos Besar,
01007 Kangar, Perlis
E-mel: hanum@unimap.edu.my

Azuddin Bahari (Prof. Madya Lt. Kol. (B))
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan
Teknousahawan,
Universiti Malaysia Perlis
P.O. Box 77, d/a Pejabat Pos Besar,
01007 Kangar, Perlis
E-mel: azuddin@unimap.edu.my